



**TEKS UCAPAN  
'MAJLIS PERASMIAN HARI KUALITI RISDA  
NEGERI SELANGOR TAHUN 2009'**

**OLEH  
YANG BHG DATO' WAN MOHD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN & KORPORAT)**

TEMPAT: PEJABAT RISDA NEGERI SELANGOR  
SHAH ALAM, SELANGOR  
TARIKH : 16 OKTOBER 2009 (JUMAAT)  
MASA : 9.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Dihormati En. Nasaruddin bin Malek  
Pengarah RISDA Negeri Selangor

Pn Wan Kamariah ,Timbalan PRN Selangor

Pegawai Kanan dan PRD Negeri Selangor

Yang diraikan Penerima-Penerima Anugerah  
seterusnya Tuan-tuan dan Puan- puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Hari Kualiti RISDA Negeri Selangor Tahun 2009 pada pagi ini. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain. Saya juga mengambil kesempatan di sini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En Nasaruddin bin Malek, Pengarah RISDA Negeri Selangor atas jemputan

3

untuk merasmikan Majlis ini. Rasanya tidak terlambat bagi saya untuk mengucapkan 'Selamat Hari Raya. Maaf Zahir Batin' bagi pihak saya dan isteri saya kepada warga RISDA Selangor.

2. Untuk makluman semua, mulai tahun ini, budaya inovasi dalam perkhidmatan awam di beri perhatian khusus oleh Pengurusan RISDA. Sehubungan dengan ini, nama Hari Kualiti ditukarkan kepada Hari Inovasi dan Kualiti sejajar dengan arahan Tan Sri KSN. Perubahan ini adalah untuk menggalakkan inovasi di kalangan penjawat Awam. Sebelum ini, kita hanya melaksanakan inovasi untuk

4

pertandingan semata-mata. Saya menyarankan supaya inovasi dibudayakan sepanjang tahun dan satu Skim Insentif akan diwujudkan dan semua inovasi walau sekecil mana pun akan di beri pengiktirafan di Majlis-majlis seperti perhimpunan bulanan, seminar dan sebagainya. Dengan ini saya menyeru semua warga RISDA Selangor untuk mengambil peluang ini untuk melaksanakan inovasi dalam sebarang tugas harian yang dilaksanakan sama ada dari segi penjimatan kos, memudahkan prosedur atau kepuasan hati pelanggan kita.

5

3. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Kualiti Negeri Selangor. Anugerah Kualiti ini sebenarnya merupakan penghargaan Kerajaan kepada penjawat awam yang telah memberikan perkhidmatan yang berkualiti yang mana kualitinya melebihi daripada kebiasaan (beyond the ordinary) selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 13 Disember 2007 mengenai kriteria penilaian terhadap prestasi pegawai.

6

4. Saya percaya pegawai-pegawai yang terpilih pada hari ini telah menunjukkan usaha dan prestasi yang terbaik di peringkat negeri, daerah dan stesen masing-masing. Adalah diharapkan bahawa saudara-saudari akan terus mengekalkan kecemerlangan dan menjadi penanda aras kepada pegawai-pegawai lain, di samping mewujudkan persaingan yang sihat untuk meningkatkan prestasi masing-masing.

Hadirin yang hormati sekalian,

5. Saya mengambil kesempatan disini untuk menerangkan beberapa isu semasa berkaitan dengan senario industri

7

getah dan sawit negara yang ada kaitan dengan kita dan juga isu-isu semasa RISDA sendiri yang perlu difahami oleh warga RISDA.

3. Untuk makluman, produktiviti getah dunia telah menurun. 93% getah dunia dikeluarkan oleh Thailand, Indonesia, Malaysia, India, Vietnam, China dan Sri Lanka iaitu ahli kepada Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC). ANRPC melaporkan bahawa pengeluaran getah global menurun sebanyak 6.8% bagi setengah tahun

8

pertama (Jan-Jun 2009). Faktor yang mempengaruhi pengeluaran adalah berbeza-beza mengikut negara.

Setakat Ogos 2009, dikalangan negara pengeluar, Malaysia mengalami kejatuhan pengeluaran yang terbesar iaitu sebanyak -23.9% berbanding Thailand (-6.1%), Indonesia (-6.3%) dan India (-10.9%),. Kadar eksport negara turut menurun sebanyak -34.6% berbanding dengan Thailand (-6.1%) dan Indonesia (-22.1%). Bagi pihak RISDA, kita telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi mengkaji apakah faktor sebenar yang mempengaruhi kejatuhan ini. Dijangka analisa ini akan dapat dalam masa terdekat dan dapatlah

kita mengubalkan program dalam RMK10 bagi mengatasi masalah ini. Mungkin terdapat faktor yang luar kawalan kita seperti harga tetapi ini dapat diatasi jika terdapat kerjasama diantara negara pengeluar bagi mengekang kejatuhan yang teruk atau ketara. Jika pengeluaran atau penghasilan ladang (produktiviti) menurun, langkah-langkah boleh diambil dengan segera untuk meningkatkan produktiviti seperti mengalakkan penggunaan alat rangsangan, meningkatkan bilangan hari menoreh, membuat *recovery tapping* dan lain-lain lagi.

Dalam konteks RISDA, KPI utama yang telah ditetapkan adalah produktiviti getah dan sawit. Jika dahulu RISDA telah memberi penekanan kepada pembangunan tanah pekebun kecil dan sebagai susulan, sekarang RISDA disarankan supaya memberi penekanan dan fokus kepada produktiviti kebun. Pada ketika ini pekebun kecil getah telah berupaya mengeluarkan hasil sebanyak 1,580 kg/hektar/thn dan RISDA telah disarankan supaya meningkatkan lagi produktiviti tahun 2009 kepada 1,600 kg sehektar setahun. Manakala pekebun kecil sawit daripada 18 tan per hektar kepada 19 tan sehektar. Produktiviti telah menjadi salah satu

KPI bagi Menteri KKLW , KPI RISDA dan KPI Ketua Pengarah.

Selaras dengan ini, Bahagian Produktiviti dan Khidmat Pemasaran ditubuhkan untuk memantau produktiviti ladang pekebun kecil dan anak syarikat dan diharap mendapat maklumat produktiviti dengan tepat supaya langkah-langkah penambahbaikan boleh diambil dengan segera. Selain daripada itu, Keusahawanan juga merupakan satu lagi KPI yang akan diberi penekanan oleh KKLW dan juga RISDA. Selaras dengan ini, Bahagian Peningkatan Ekonomi

ditukarkan nama kepada Bahagian Pembangunan Usahawan.

4. Saya juga ingin menyentuh mengenai konsep 'One Touch Point' yang berkaitan dengan konsep satu Malaysia: Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan iaitu Sasaran pencapaian atau kejayaan yang memberi manfaat secara langsung kepada Rakyat, yang boleh mengembirakan rakyat, memudahkan urusan pekebun kecil sebagai pengguna/ kumpulan sasar RISDA. Dalam konteks ini, One Touch Point RISDA adalah Sistem e-TS dimana Pekebun kecil dapat membuat permohonan tanam semula melalui

13

capaian sistem TS-online di internet, dan pekebun kecil dapat menyemak status permohonan melalui aplikasi ini. Proses semakan pemilikan kebun, dan semakan fizikal kebun akan di buat melalui sistem e-kebun dimana apabila sistem ini siap kelak akan mengurangkan jumlah hari prosesan semakan kebun kepada 1 hari. Sedemikian kedua-dua sistem ini akan memantapkan sistem penyampaian RISDA . Selain daripada itu, untuk meningkatkan lagi sistem pembekalan baja kepada pekebun kecil, RISDA telah menubuhkan Syarikat RISDA Baja.

14

5. Untuk makluman, Laman Web RISDA telah berjaya menduduki ranking ke 8 daripada 329 Laman Web Agensi Kerajaan yang dinilai oleh Malaysian Government Portal dan Website Assesment conducted by Malaysian Multimedia Development Corporation (MDEC) bagi tahun 2009. Ini merupakan satu pencapaian yang agak baik dan mampu meningkatkan imej RISDA.
6. Berhubung dengan perkembangan isu kerjasama FELDA, RISDA dan FELCRA yang telah dicadangkan oleh YAB Perdana Menteri kita, beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama FELDA dan FELCRA dan beberapa

15

Technical Working Group atau TWG telah ditubuhkan untuk memperhalusi bidang-bidang kerjasama yang boleh diwujudkan bersama. Bidang kerjasama yang akan dilaksanakan adalah penggunaan sumber yang dimiliki bersama, aktiviti hiliran berasaskan getah dan sawit, bidang pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan.

5. Pindaan Akta RISDA juga akan dibentangkan dalam Parlimen pada 19 Oktober ini. Antara pindaan yang akan dibuat adalah definisi pekebun kecil yang akan merangkumi bukan sahaja pemilik tetapi juga penoreh. Dengan pindaan ini, status kemiskinan dikalangan pekebun kecil juga akan

16



turut berubah iaitu ada kemungkinan akan wujud semula kemiskinan tegar dikalangan penoreh.

6. Mengenai kemasukan RISDA ke Sabah, kita sedang dalam proses final negotiation dengan Kerajaan Negeri Sabah. Baru-baru ini, saya telah pergi ke Sabah untuk menguruskan perkara ini dan insyaAllah RISDA akan beroperasi di Sabah mulai Januari 2010.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

7. Adalah penting bagi kita warga RISDA menanam budaya kecemerlangan melalui usaha meningkatkan kesedaran

supaya mementingkan prinsip ketepatan (precision), iaitu ketepatan dari segi pengukuran, pengurusan masa, jadual penyampaian, kualiti produk dan sebagainya. Budaya yang mementingkan prinsip ketepatan akan membolehkan RISDA dikenali sebagai sebuah agensi yang mengutamakan kualiti dan kecemerlangan. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, kita hendaklah membudayakan “precision” dan “punctuality” dalam pelaksanaan dasar-dasar serta program-program yang telah dirancang. Sebagai contoh, kita hendaklah memastikan projek-projek yang dilaksanakan dipantau dengan teliti supaya tidak berlaku sebarang kelewatan.

Namun, kerap kali apa yang berlaku ialah projek-projek RISDA tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Antara punca utama berlakunya kelewatan adalah kerana kelemahan pemantauan, kita tidak “turun padang” untuk melihat keadaan sebenar, dan terlalu bergantung kepada kontraktor berdasarkan laporan-laporan yang mereka sediakan. Kita juga sering bersikap terlalu “lenient” terhadap kontraktor dengan memberikan “extension of time” atau EOT sehingga beberapa kali, namun projek masih juga belum siap dalam masa ditetapkan. Keadaan ini perlu dihentikan, kerana ia memberi gambaran kepada rakyat bahawa RISDA atau

19

Kerajaan lebih memihak kepada kontraktor. Selain itu, kelewatan penyiapan projek dan EOT pastinya menimbulkan kos tambahan kepada RISDA, selain pembaziran masa, dan bangunan tidak dapat dimanfaatkan seperti yang dihasratkan.

8. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyarankan supaya bersikap lebih tegas dalam pelaksanaan serta pemantauan projek-projek. Dasar dan peraturan sedia ada adalah komprehensif dan mencukupi, dan perlu dikuatkuasakan sewajarnya. Mana-mana pihak yang cuai perlu dikenakan tindakan supaya kesalahan yang sama tidak berulang.

20

Namun, disebalik ketegasan dalam menguatkuasakan sesuatu dasar atau peraturan sedia ada, kita perlu bersikap adil dan sentiasa berintegriti untuk kebaikan semua pihak. Begitulah sifat punctuality dan precision yang perlu dibudayakan oleh masyarakat RISDA, dan kita selaku penjawat awam harus mempelopori usaha ini dengan memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh kita menepati prinsip-prinsip ketepatan sebagaimana yang dihasratkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

21

9. Dalam melaksanakan tugas kita harus menukar paradigma daripada menilai kejayaan yang berasaskan “output” kepada kejayaan yang berasaskan “outcome”. Misalnya, penekanan bukan pada keluasan Tanam Semula, tetapi apakah hasil produktiviti yang tercapai dan bilangan pekebun kecil miskin yang dapat dikeluarkan daripada kemiskinan daripada program Tanam Semula yang dilaksanakan.

Kita juga perlu berusaha beralih daripada birokrasi yang menyukarkan kepada birokrasi yang memudah cara dan menyenangkan rakyat. Kenapa kita harus secara berterusan

22

mengamalkan tatacara kerja yang usang, menyulitkan lagi melambatkan jikalau ia dapat dilaksanakan atau disiapkan dalam masa yang cepat. Kita juga harus ingat bahawa kita juga merupakan pelanggan kepada jabatan dan agensi Kerajaan lain. Saya percaya, kita juga akan merasa kecewa, malah marah, sekiranya kita tidak menerima tahap perkhidmatan seperti mana yang kita kehendaki. Oleh itu, kita perlu sentiasa memberikan perhatian utama terhadap usaha-usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian RISDA dengan cara memberi nilai tambah kepada kualiti dan proses membuat keputusan bagi

23

menjamin pekebun kecil sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik, efisien dan cekap.

11. Dalam kesibukan kita melaksanakan tugas yang diamanahkan, jangan pula kita lupa terhadap kepentingan kesihatan serta tanggungjawab kepada keluarga. Saya suka menasihatkan agar di samping kita melaksanakan tugas-tugas seharian, penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti luar juga akan dapat membuka ruang kepada kita agar dapat berfikir dan bertindak dengan lebih kreatif dan inovatif. Daya pemikiran tajam yang diperlukan di dalam aktiviti-aktiviti tertentu boleh membantu melatih minda kita

24

agar berfikiran positif dan terbuka, sentiasa berfikir beberapa langkah ke hadapan atau “think a few steps ahead” dan bersedia melakukan perubahan mengikut keperluan semasa. Ini pastinya akan melahirkan generasi penjawat awam yang sihat dan mempunyai minda kelas pertama.

14. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang menerima Anugerah Kualiti pada kali ini. Bagi mereka yang tidak terpilih, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan tidak kecewa, sebaliknya akan terus meningkatkan kualiti dan

25

produktiviti kerja untuk memantapkan lagi organisasi kita untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf 4 bintang seterusnya mencapai tahap tertinggi iaitu 5 bintang atau *world class*.

**Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan penuh sukacitanya merasmikan Hari Kualiti RISDA dan Sambutan Hari Raya Negeri Selangor tahun 2009.**

***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh***

26